

13/03/1998

Menyelaras hukum menegak keadilan

Abdurrahman Haqqi

UNTUK meringankan suasana kuliah sejam dan mengurangkan kebosanan pada waktu petang, sesekali saya mengambil pendekatan bergurau dan perangsang kreativiti minda yang sesuai dengan topik perbincangan sebagai proses penyegaran.

Sebagai contoh, suatu hari saya bertanya mereka: "Tentu anda perasan ketika menangis, air mata terkeluar daripada mata. Demikian pula halnya ketika ketawa air mata juga akan mengalir. Tapi, adakah anda perasan air mata yang manakah yang manis dan yang masin?" Mahasiswa yang mengikuti kuliah riuh mendengarnya dan yang sedang mengantuk segar.

Kerana mahasiswa undang-undang bukan mahasiswa aliran sains yang dengan sendirinya melakukan eksperimen di makmal untuk mengetahui yang manis dan masin, mereka menjawab penuh percaya diri bak seorang peguam yang sudah berkaliber: "Tak ada bezanya, kedua-duanya masin!" Dan memang begitulah kerana air mata tetap air mata sama ada disebabkan tangisan mahupun ketawa dan ia keluar dari satu sumber iaitu mata.

Serupa, tapi tak sama dengan perkara di atas adalah satu kes yang berlaku pada zaman khalifah kedua, Umar Ibn al-Khattab berkenaan pembahagian harta pesaka. Kes ini terkenal dengan nama kes al-Musyarakah (nisbah kepada perkongsian) atau al-'Umariah (nisbah kepada Umar) atau al-Mimbariah (nisbah kepada mimbar) atau al-Hajariah (nisbah kepada laut) sempena nama yang menangani kes berkenaan itu Umar atau tempat pendakwaan iaitu mimbar atau penamaan kes iaitu 'batu', 'keldai', dan 'laut' oleh yang mengadakan pendakwaan.

Dalam kes itu diceritakan kali pertama Umar mengenakan undang-undang saudara kandung tidak menerima sebarang harta pesaka apabila bersama-sama mereka ada dua saudara lelaki seibu atau lebih. Ini kerana harta pesaka berkenaan sudah habis dibahagikan kepada yang terakhir disebut kerana mereka adalah ashab al-furud atau golongan yang sudah ditentukan nisbah warisan mereka manakala saudara kandung termasuk asabah atau golongan yang tidak ditentukan berapa nisbah warisan mereka. Bahagian mereka adalah baki harta warisan selepas dibahagikan kepada ashab al-furud sedikit mahupun banyak.

Tetapi, kali kedua Umar mengongsikan mereka selepas keputusannya pada kali pertama dipertikai waris saudara kandung, mereka berkata: "Anggaplah ayah kami seekor keldai, tetapi, bukankah ibu kami sama?" Dalam riwayat lain dikatakan: "Anggaplah ayah kami sebuah batu yang dilempar ke dalam laut, tetapi, bukankah ibu kami sama?" (Lihat asy-Syirbini, Mughni al-Muhtaj, III/17-8).

Perubahan drastik yang dilakukan Umar adalah langkah berani dan bijak dan ia berlandaskan idealisme perundangan Islam menerusi aspek keadilan. Padahal, pada zahirnya ia bercanggah dengan yang ditetapkan al-Quran kerana menurut al-Quran ashab al-furud mesti didahulukan pembahagian warisannya (QS. an-Nisa: 7-14). Peruntukan ayat itu bermakna jika pembahagian warisan kepada mereka menghabiskan semua harta asabah tak menerima sebarang harta seperti kes di atas.

Oleh itu, selepas Umar mempertimbangkan hujah ahli waris saudara kandung, beliau tak teragak-agak menerimanya kerana ia memang bernas memenuhi kriteria idealisme keadilan perundangan Islam dan mengetepikan keputusan yang dibuatnya pada kali pertama. Oleh itu, ketika dipertikaikan keputusannya pada kali kedua oleh beberapa sahabat Umar menjawab: "Yang dulu adalah keputusan yang kami putuskan ketika itu. Manakala yang ini

adalah keputusan yang kami putuskan sekarang."

Hujah yang diberikan ahli waris kandung memang logik kerana mereka bersama saudara seibu sebenarnya berasal daripada seorang ibu yang sama walaupun ayah mereka berbeza. Jika demikian halnya, mengapa mereka tidak mendapat warisan seperti saudara seibu mereka? Atau dalam bahasa konsep perundangan Islam mengapa mereka dibezakan dalam penerapan undang-undang padahal mereka melakukan perbuatan yang sama yang hukumannya mestilah sama?

Perkara di atas diketengahkan selepas saya membaca berita utama akhbar ini Sabtu lalu mengenai penyelarasan hukuman Mahkamah Syariah. Diberitakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah bersetuju dengan cadangan pokok draf Enakmen Pentadbiran dan Hukum Islam. Dr Mahathir juga mahu ia serta langkah penguatkuasaannya diselaraskan di seluruh negara. Akhbar ini juga kelmarin melaporkan `Undang-undang Islam dan pelaksanaannya yang berbeza antara negeri menimbulkan masalah kepada umat Islam di negara ini dari semasa ke semasa. Paling baru ialah kontroversi ekoran tangkapan dan dakwaan terhadap gadis Islam yang menyertai pertandingan ratu cantik di Selangor tahun lalu. Dengan perkataan lain, apakah bezanya antara umat Islam negeri di Malaysia padahal mereka adalah rakyat Malaysia yang satu di depan undang-undang Islam? Atau dalam konsep idealisme perundangan Islam dalam kisah air mata pada awal tulisan ini apakah bezanya antara air mata yang disebabkan tangisan atau gelak tawa padahal kedua-duanya berasal daripada kelopak mata yang sama?

(END)